

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Sunday, October 21, 2018 11:24 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Kembara UUM Praktik Ikhtiar Hidup Di Dalam Hutan



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT

Universiti Utara Malaysia

21 OKTOBER 2018 / 12 SAFAR 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

KEMBARA UUM PRAKTIK IKHTIAR HIDUP DI DALAM HUTAN



UUM ONLINE: Masak nasi dalam buluh, basuh beras di gigi air terjun, kenalpasti tumbuhan yang selamat dimakan atau beracun, buat pinggan dari buluh, berkhemah di atas bukit menjadi suatu pengalaman berharga buat pelajar Kokurikulum Kembara Universiti Utara Malaysia (UUM), di Hutan Lipur Bukit Hijau Baling, Kedah.

Pelajar Sarjana Muda Perniagaan Antarabangsa, Muhammad Hadi Khirudin, 22, berkata, Kem Rekreasi Tahap Dua selama tiga hari itu bermula dengan mendaki Bukit Hijau untuk ke tapak perkhemahan yang mendedahkan para peserta mengenai asas ikhtiar hidup di dalam hutan yang menguji kekuatan mental dan fizikal.

Jelasnya, tujuan utama Kegiatan Luar Kuliah (KLK) untuk melengkapkan diri pelajar dalam Kursus Jurulatih Rekreasi Tahap 2 yang mendedahkan pentingnya aktiviti rekreasi untuk diaplikasikan dalam kehidupan seharian.

“Kem ini mendedahkan pelajar mengenai ikhtiar hidup di hutan (*survival*) yang mendorong pelajar bersedia dari segi mental dan fizikal.

“Peserta lelaki bertanggungjawab menjaga keselamatan pada waktu malam, perlu berjaga mengikut giliran sekaligus menyemai rasa pentingnya menghargai orang sekeliling yang telah bersama-sama membantu antara satu sama lain.

“Saya sangat gembira kerana berpengalaman melakukan aktiviti yang belum pernah dilakukan seperti membasuh beras di air terjun, mencari buluh-buluh yang sesuai untuk memasak, menjadikan buluh sebagai pengganti pinggan, berkhemah di kawasan air terjun yang berbatu di atas bukit.

“Suasana hutan yang nyaman diiringi desiran air terjun sangat menenangkan para peserta setelah penat melakukan aktiviti seharian dan aktiviti ini telah membuatkan saya lebih menghargai kehidupan,” jelasnya.

Seorang lagi peserta, pelajar Sarjana Muda Pengurusan Hal Ehwal Antarabangsa, Aina Syamimi Che Hassan, 22, menyifatkan kembara ini sebagai pengalaman yang sangat mahal nilainya.

“Inilah pengalaman pertama saya berkhemah di atas bukit tepi air terjun yang menghidangkan panorama yang sangat cantik dan mendamaikan walaupun pendakian ini jauh namun sangat berbaloi setelah sampai ke tapak perkhemahan.

“Hidup di dalam hutan memerlukan semangat setiakawan misalnya lelaki ditugaskan mencari buluh untuk dijadikan alat memasak manakala wanita memasak nasi menggunakan air terjun dan memanggang ikan masin sebagai menu tengah hari dan malam.

Lucunya, masakan yang disediakan tidak dapat menampung 60 peserta dan mereka perlu membahagikan makanan untuk makan malam.

“Walaupun makanan tidak cukup namun tidak menjadi masalah kerana nikmat berkongsi makanan itu lebih menyeronokkan dan silaturahim yang terjalin menghilangkan segala kepenatan.

“Kami dapat mempelajari banyak perkara yang tidak pernah dibayangkan seperti mengenalpasti tumbuhan yang selamat dimakan dan beracun, cara mengikat khemah dengan betul, memasang layang-layang khemah dan mengenalpasti tapak perkhemahan yang sesuai seperti tanah yang rata tanpa akar pokok yang menjalar,” kongsinya.


Manakala Pelajar Sarjana Muda Kewangan dan Perbankan Islam, Nur Amirah Ismail, 22 berkata, kem ini sangat mencabar, namun mereka dapat menyempurnakan aktiviti dengan mempraktikkan teori yang telah diajar oleh jurulatih.

Sebelum memulakan program ini, pelajar telah mempelajari teori di dalam kelas tentang asas perkhemahan seperti cara memasang khemah, pakaian sesuai, peralatan yang perlu dibawa termasuk ubat-ubatan untuk saat yang tidak dijangka.

“Bermula dengan mendaki bukit yang curam memenatkan, kemudian diteruskan pula dengan aktiviti mendirikan khemah dan mencari ranting kayu untuk membuat unggun api sebagai langkah berjaga-jaga dari binatang buas ketika bermalam di hutan.

“Memasak di hutan juga sangat unik dan menyeronokkan kerana perlu menggunakan bahan-bahan semula jadi yang terdapat di hutan tersebut seperti memasak nasi dalam buluh,” katanya.

Pengalaman menyertai kembara ini telah mengajar peserta erti kerjasama, berdikari, kreatif, disiplin, pandai membawa diri serta nilai persahabatan yang sentiasa berada di sisi dalam apa jua keadaan susah atau senang.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.